

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Gambar berikut Empangan Maarib di Yaman.



Apakah kesan keruntuhan Empangan Maarib sekitar tahun 300 M?

- A Keruntuhan tamadun
 - B Tiada teknologi tinggi
 - C Persengketaan masyarakat
 - D Kemerosotan ekonomi masyarakat Arab
2. Maklumat berikut berkaitan sistem masyarakat Jahiliah.

Masyarakat Jahiliah Arab mengamalkan sistem kabilah yang diketuai oleh seorang syekh.

Apakah ciri-ciri seorang syekh yang dilantik sebagai ketua?

- I Matang
 - II Berpendidikan
 - III Pandai berperang
 - IV Pandai berpidato
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


3. Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan ekonomi kaum Hadhari.

Di dalam sistem ekonomi kaum Hadhari terdapat sesetengah mereka yang berdagang secara kafilah.

Apakah yang dimaksudkan dengan kafilah?

- A Sekumpulan pelayar yang berdagang
 - B Sekumpulan lelaki yang mengembara
 - C Rombongan pedagang yang berkuasa
 - D Rombongan pengembara dengan barang dagangan
4. Wathani adalah agama yang menyembah berhala.
- Apakah berhala yang disembah?
- A al-Huzir
 - B al-Lazho
 - C al-Jabbar
 - D al-Manat

5. Gambar berikut merupakan gambaran Gua Hira' di Makkah peristiwa penerimaan wahyu pertama Nabi Muhammad SAW.



Apakah surah pertama yang diterima oleh baginda?

- A Surah al-Alaq
- B Surah al-Ikhlâs
- C Surah al-Kafirun
- D Surah al-Mudassir

6. Nabi Muhammad SAW berjaya merangka piagam Madinah.

Apakah tujuan piagam tersebut?

- A Panduan sebuah negara
- B Hukuman ke atas seseorang
- C Membentuk negara Islam yang adil dan maju
- D Pengetahuan untuk masyarakat Madinah

7. Siapakah Khulafa al-Rasyidin yang berjaya memerangi golongan murtad kerana enggan membayar zakat?

- A Umar Al Khatib
- B Ali bin Abi Talib
- C Uthman bin Affan
- D Abu Bakar al-Siddiq

8. Apakah aspek yang ditekankan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin masyarakat sebelum berhijrah ke Madinah?

- A Akhlak
- B Pertanian
- C Perdagangan
- D Perundangan

9. Siapakah tokoh yang membangunkan pasar Suq al-Ansar, iaitu tempat berjual beli bagi membangunkan ekonomi umat Islam?

- A Uthman bin Affan
- B Zaid bin Harithah
- C Abu Bakar Al Siddiq
- D Abdul Rahman bin Auf

10. Apakah ciri yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin tentera?

- A Membunuh sesuka hati
- B Memusnahkan tumbuhan
- C Mendengar pandangan orang lain
- D Mengatur peperangan sendiri

11. Mengapakah pemimpin sekarang perlu mengikut kepimpinan sistem syura?

- A Raja membuat keputusan
- B Masyarakat membuat keputusan
- C Raja dan rakyat membuat keputusan
- D Pemimpin mencapai keputusan muafakat

12. Apakah sistem cukai yang pernah dilaksanakan di negara Islam?

- A Cukai tanah
- B Cukai pertanian
- C Cukai harta
- D Cukai pintu

13. Maklumat berikut berkaitan dengan memuliakan kedudukan wanita.

Membantu memberikan minuman dan merawat tentera yang tercedera dalam Perang Uhud.

Siapakah tokoh wanita yang keluar berperang dengan wanita Madinah?

- A Rabi'atul Adawiyah
- B Siti Aisyah binti Abu Bakar
- C Siti Khadijah binti Khuwailid
- D Shafiah binti Abdul Muthalib

14. Gambar berikut merupakan ilustrasi tokoh perubatan Ibn Sina.



Apakah nama buku beliau yang mahsyur?

- A *The Rise Of Islam*
- B *Great of Ibnu Sina*
- C *Al Qanun fi al-Tib*
- D *Hisab Al Jabr wa al Muqabalah*

15. Maklumat berikut berkaitan dengan seni bina masjid.

Seni bina yang inovasi telah diperluas dalam pembinaan mihrab.

Apakah fungsi mihrab?

- A Penanda arah kiblat
- B Tempat melaungkan azan
- C Memastikan azan didengari
- D Tempat Imam membaca khutbah